



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PEREKA (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PEREKA
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Lukisan atau kelulusan sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan / atau seni lukis.
3. Berkebolehan dalam lukisan teknikal adalah kelebihan.
4. Berkebolehan dalam menggunakan perisian seperti *Final Cut Pro, Autocad, 3D Max Studio, Adobe Collection* dan yang berkaitan dengannya adalah kelebihan.
5. Berpengalaman dalam pertukangan kayu dan tangan (*carpentry and joinery*) adalah kelebihan.
6. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pereka Tingkat III yang berkenaan dalam sama-sama menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan;
2. Menjalankan penyelidikan asas untuk reka bentuk seperti yang dikehendaki oleh pihak Jabatan;
3. Membantu dalam menyediakan dan melukis *Floor Plan, Isometric Drawing, Elevation Drawing, Construction Drawing, Model set, Presentation, Details Drawing, Autocard, 3D Dimension, Manual Drawing* atau *Perspective Drawing*;



4. Menyelaras kerja-kerja di studio dan lokasi luar untuk penyediaan set pada waktu latihan dan rakaman serta memastikan proses awal pembuatan adalah dalam keadaan teratur;
5. Menghadiri *planning meeting*, *site meeting* dan membuat peninjauan di lokasi-lokasi untuk rancangan yang berkenaan bagi membantu Pereka Tingkat III yang diatitkan agar pengurusan set rancangan berjalan dengan lancar;
6. Menyediakan persuratan yang berkenaan dalam hal ehwal tempahan set; dan
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.